

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya



Tel : 603-88832533
Faks : 603-88895245
E-mail : farida@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGURUSAN AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN SERTA PENGGUNAAN LARAS BAHASA PADA BAHAN PROMOSI RISALAH

Penemuan audit berkenaan perbezaan sebut harga bagi kempen melalui laman sosial *Facebook* dan *Twitter* adalah kurang tepat kerana terdapat perbezaan skop dan aktiviti di antara kedua-dua laman sosial Kempen Tak Nak Merokok dan Intervensi Penyakit Tidak berjangkit (NCD). Sebut harga laman sosial Kempen Tak Nak Merokok meliputi tambahan skop bagi menarik lebih ramai pengunjung serta penglibatan terus termasuk aktiviti-aktiviti yang khusus seperti pertandingan-pertandingan, aktiviti-aktiviti bersama *Facebook* dan *Twitter followers*, aktiviti bersama masyarakat, membekal *rollup bunting* berkaitan kempen untuk mempromosikan laman *page* dan membekal *take home health promotion materials*.

Kementerian Kesihatan kini telahpun mengambil langkah untuk membangunkan dan menyelenggara laman sosial *Facebook* secara dalaman (*in-house*) dan tidak lagi menggunakan perkhidmatan syarikat.

Bagi memastikan penggunaan laras bahasa, ejaan yang betul dan mesej yang mudah difahami, Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Melantik pasukan editorial bagi memastikan isi kandungan setiap bahan promosi yang dikeluarkan dibuat semakan dengan teliti dari segi laras bahasa dan ejaan;
- (b) Merujuk kepada pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (c) Merujuk kepada Institut Terjemahan Negara bagi perkataan Bahasa Inggeris yang ditukar ke Bahasa Melayu; dan
- (d) Menjalankan *pre-test* bagi setiap mesej bahan pendidikan kesihatan.

DATUK FARIDA MOHD ALI